

Headline	Industri porno AS rahsiakan kes HIV	Language	MALAY
Date	14. Jun 2009	Page No	22
Media Title	Sinar Harian	Article Size	50 cm2
Section	Global	Frequency	Daily
Circulation	60000	Color	Black/White
Readership	0	AdValue	202.64



Industri porno AS rahsiakan kes HIV

LOS ANGELES - Satu siasatan yang dilakukan mendapati terdapat 16 kes jangkitan HIV melibatkan pelakon lucuh di Amerika Syarikat (AS) dirahsiakan sejak 2004.

Pendedahan itu menjelaskan kepada umum mengenai bahaya industri porno di negara itu.

Ujian HIV untuk semua pelakon lucuh di AS dikendalikan oleh Yayasan Penjagaan Kesihatan Industri Dewasa (AIM).

Dalam satu kes terbaru pada 4 Jun lalu, seorang pelakon wanita diuji positif dalam dua saringan yang dilakukan terhadapnya.

Jurucakap Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja AS, Dean Fryer memberitahu beliau kesal dengan kes berkenaan dan menganggap AIM tidak memberikan kerjasama penuh untuk pihaknya menjalankan siasatan.